

**JAWAPAN: YB DATUK SERI IR. Dr. WEE KA SIONG,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM4.8 juta untuk tujuan menyediakan atau menaiktaraf kemudahan infrastruktur dan ameniti sosial seperti jalan, longkang, dewan orang ramai, balai raya, kemudahan riadah dan lain-lain di Kampung Baru Negeri Sembilan. Daripada RM4.8 juta yang diluluskan, sebanyak RM3.8 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan jalan dan longkang manakala selebihnya telah diperuntukkan untuk pembangunan gelanggang, dewan orang ramai dan balairaya.

Bagi tahun 2014, tiada peruntukan diluluskan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan di Negeri Sembilan kerana ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) masih belum dibuat pelantikan pada tahun tersebut.

Sekian. Terima kasih.